

## **BAB 4**

### **PERBINCANGAN HASIL KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi dan dikumpulkan daripada karangan yang ditulis oleh responden. Sebanyak 60 buah karangan telah dikumpul daripada sepuluh orang responden. Setiap responden menulis enam buah karangan yang sama tajuk dari bulan Mei hingga Oktober. Hasil dapatan kajian tersebut akan dianalisis dan dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pemaparan idea, penguasaan bahasa dan ciri-ciri umum kemahiran menulis pelajar lembam.

#### **4.1 Analisis data**

Hasil pungutan data yang diperolehi melalui ujian karangan dan ujian diagnostik

akan dianalisis berdasarkan tiga bahagian utama iaitu:

#### **4.1.1 Pemaparan Idea**

Secara keseluruhannya, responden mencuba untuk menyampaikan idea dalam karangan berdasarkan apa yang mereka lihat di dalam gambar yang terdapat dalam soalan. Jika menurut kehendak soalan karangan bahan rangsangan ini memerlukan sekurang-kurangnya dua isi iaitu satu diambil daripada bahan rangsangan dan satu lagi daripada pengetahuan luar pelajar dan yang terakhir ialah penutup. Gambar yang terdapat pada kertas soalan merupakan rangsangan untuk mencetuskan idea dalam fikiran pelajar. Perkara ini telah berulang kali diterangkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh guru pemulihian tetapi apa yang sebaliknya berlaku hampir 100% responden telah menceritakan atau menyampaikan idea berdasarkan apa yang mereka lihat di dalam gambar pada kertas soalan sahaja. Hal ini menyebabkan responden tidak menjawab kehendak soalan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun masih ada pelajar yang dapat menyampaikan idea mereka dalam karangan setelah beberapa kali pengkaji membaca dan mencuba mengamati penulisan tersebut. Pada permulaan penulisan responden dapat menjawab kehendak soalan tetapi apabila bahagian isi responden tidak dapat menyatakan dengan jelas dan responden cuba menghuraikan aktiviti-aktiviti dan kejadian yang berlaku di dalam gambar tersebut.

### a) Aspek Sasaran Idea

Sasaran idea tersebut dapat diperhatikan melalui pemilihan kata, ayat dan frasa yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, jika diteliti sukar untuk kita memahami proses pembinaan ayat, frasa dan pemilihan kata yang digunakan dan juga terdapat kesalahan ejaan yang menyukarkan pengkaji memahami apa yang cuba disampaikan. Jika dilihat daripada ayat yang disampaikan kebanyakan responden mengulangi ayat yang sama dalam setiap perenggan. Ayat tersebut dapat dilihat dalam contoh salah satu karangan responden di bawah:

#### R8: Karangan Bulan Mei

*“Murid-murid suka Buat masoloh dan suka Buat Bising dan suka membuang sampah dan mereka tak disiplin dengan Guru Guru nasihat dengan pelajar jaga kebesihan dan pelajar tidak disiplin Guru dan Jangan conteng dan Jangan conteng jadual bertugas dan Jangan rosakan Dan guru nasihatkan pelajar Jangan conteng kerusi dan meja dan membuang sampah rata-rata di dalam kelas Jangan Buat Masalah di kelas kerusi dan meja dan Jangan bergaduh dalam kelas.*

*Dan guru nasihatkan pelajar Jangan conteng kerusi dan meja dan membuang sampah rata-rata di dalam kelas Jangan Buat Masalah di kelas  
Jangan koyakkan kertas dan Jangan membuat Guru Marah Jangan Main dalam kelas Jangan bergaduh dengan kawan dan murid-murid lain Jangan bercakap dengan kawan.*

*Jangan Buat Bising dengan kawan Jangan coteng buku kawan Murid tidak disiplin dengan Guru jaga maruah diri sendiri jaga maruah diri di dalam kelas jaga kebersihan di rumah di kelas”*

Semakin kerap kita membaca semua karangan responden semakin jelas kita dapati bahawa pengaruh bahasa lisan mempengaruhi penulisan sepuluh orang responden ini. Pengalaman pengkaji melalui temu bual dengan responden

secara tidak formal di dalam kelas iaitu sebelum ujian bermula responden lebih senang menggunakan bahasa lisan berbanding bahasa baku. Bahasa lisan yang digunakan sebagai bahasa komunikasi sehari-hari telah mempengaruhi dalam penulisan responden. Hal ini juga turut diakui oleh Abdullah Yusoff (1996), pengaruh bahasa lisan terhadap penulisan karangan yang ditulis oleh seseorang responden memperlihatkan bahawa wujudnya hubungan positif dengan bahasa lisan. Implikasinya ialah penggunaan perkataan berbentuk dialek, pengejaan berdasarkan sebutan dialek, pemilihan kata yang tidak gramatis dalam karangan pelajar sebagai akibat penggunaan bahasa lisan yang longgar keterikatannya dengan konsep bahasa baku. Contohnya:

*“Pasar tani ini ada jual macam-macam, Daging lembu, ikan, durian dan macam-macam lagi”*

(R1 bulan  
Julai)

*“Menabung adalah untuk kita gunakan semula kalau kita tak ada duit kita gunakan dan kalau bapa kita tak ada duit kita bagi kat ibu bapa kita”*

(R2 Bulan  
September)

*“Kita mesti minum air banyak nanti kita tak mati ade air dalam badan”*

(R3 bulan  
Ogos)

*“yang saya terkejut berlanggar itu tak mati tapi orang yang berhenti di lampu isyarak itu yang mati akibar perteriaran di antara”*

(R6 bulan  
Jun)

*“Di situ ada banyak orang menderma darah”*  
(R8 Bulan  
Oktober)

*“Kalau duit menabung dah bayak sian kad bank supaya tak hilang”*

(R10 Bulan  
September)

*“Budak pompuan itu beli ikan sungguh banyak”*

(R2 Bulan  
Julai)

Jika kita teliti setiap karangan responden kita akan mendapati bahawa penghuraian dan pemaparan idea fikiran atau idea penulisannya agak tidak teratur ataupun tidak tersusun kerana responden mengulangi ayat yang sama di setiap perenggan, mereka tidak dapat mempermerkan idea dalam kesatuan idea seperti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar normal. Antara contohnya dapat dilihat seperti di bawah:

#### **R1: Karangan Bulan September**

*Amalan menabung ini sangat berharga. Menabung ini boleh membeli apa sahaja, macam beli basikal, motor dan psp. Kalau tidak boleh kumpul RM 1 setiap hari, kita kumpul RM 0.50 sen setiap hari. Kalau sudah banyak kita boleh beli apa-apa sahaja. Kalau kita jumpa duit RM 0.10 sen kita ambil sahaja untuk simpan untuk masa depan. Kalau duit kita dah banyak kita boleh membantu ibu bapa kita.*

*Kalau duit kita dah banyak kita simpan lagi, kalau ibu bapa tak ada duit kita boleh bantu ibu bapa. Kalau tak nak beli menabung kita simpan dekat bank. Kalau nak beli motor kita kena kumpul duit sampai beribu-ribu. Kalau dah sampai beribu-ribu kita boleh beli motor.*

*Amalan menabung ini boleh membuat kita menjadi senang untuk masa depan.*

Hasil temu bual responden ketika ujian lisan untuk penilaian tahap penguasaan 2M dilakukan, pengkaji telah mendapati responden sukar memahami apabila kita mengajukan pertanyaan kepadanya, pengkaji terpaksa mengulangi pertanyaan kali kedua. Ada ketikanya jawapan yang diberikan oleh responden menyeleweng daripada tajuk dan perbualan banyak dipengaruhi oleh lohgat daerah. Kesemua responden tidak mempunyai keyakinan untuk memberi jawapan kerana mereka takut jawapan yang diberikan itu salah.

Secara keseluruhannya, setiap responden mempunyai idea yang banyak tetapi mereka tidak mengetahui cara terbaik untuk menyampaikan idea yang ada dalam pemikiran mereka. Idea yang disampaikan dalam karangan adalah berdasarkan apa yang mereka lihat di dalam gambar. Responden cuba mengingati dan melihat sesuatu berdasarkan imej atau visual tetapi responden gagal memanipulasikan bahasa sepenuhnya untuk membuat pemilihan bentuk, jenis dan golongan kata dengan cara yang lebih berkesan. Dengan itu responden gagal menulis karangan dengan baik. Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan tersebut tidak bererti responden tidak berkemampuan menyatakan ideanya. Secara keseluruhan responden mampu mengungkapkan ideanya cuma responden tidak dapat memperkenalkan idea dalam kesatuan idea.

Hasil karangan yang telah dipungut ini dikelaskan kepada dua bahagian iaitu pemaparan idea dan sasaran idea pelajar lembam. Idea yang dipaparkan dimasukkan dalam Jadual 4.6 hingga Jadual 4.11 daripada bulan Mei hingga bulan Oktober (Lampiran 4). Langkah ini telah diambil supaya idea yang

disampaikan oleh responden dapat difahami dengan lebih jelas lagi.

### **b) Aspek Organisasi**

Apabila dilihat dari aspek ini didapati bahawa responden tidak mampu mengorganisasikan karangannya secara jelas dalam bentuk kesatuan idea. Semakin kerap kita membaca karangan tersebut semakin jelas bahawa susunan kata-kata responden dalam penulisan tidak teratur atau tidak tersusun dengan baik dan ini menyukarkan pengkaji untuk memahami perjalanan cerita yang hendak disampaikan oleh responden. Ayat yang terhasil daripada kata-kata itu tidak gramatis dan tidak dapat dibentuk dalam satu perenggan dan juga tidak dapat berkembang di dalam perenggan yang seterusnya. Hal ini menunjukkan responden tidak dapat menyatakan perjalanan cerita dalam kesatuan idea yang hendak disampaikan. Menurut Sulaiman Masri (1998:123) karangan yang menarik ialah yang berupaya merangsang perhatian pembaca sebanyak-banyaknya, selama perjalanan cerita dan mencapai puncak biasanya pada bahagian akhir karangan.

Dalam sesebuah karangan yang baik aspek organisasi sangat penting bagi memperlihatkan aliran idea yang disampaikan. Karangan bahan rangsangan ini memerlukan sekurang-kurangnya dua isi iaitu satu diambil daripada bahan rangsangan dan satu lagi daripada pengetahuan luar pelajar dan yang terakhir ialah penutup. Walaupun berulang kali guru pemulihan menerangkan kepada mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tetapi responden-responden masih tidak memahami atau tidak mendengar arahan.

Antara contoh karangan responden ialah:

### **R5- Karangan Bulan Jun**

*Ali bawak moto ke nilai kerama Ali melubaharam dan kawan-kawan. Nama kawan ialah ramu, Abu , Raja dan Paul.Ramu memotong kereta tiba-tiba moto habis miyen ramu berhenti moto ke berhentian dan Poul hikut ramu.*

*Abu dan Raja hikut ramu belajar untuk Poul tolong rumu. Abu dan Raja Poul kesiab teigo abu dan raja bagi makanan suda makan keluar berhentian Mula lumbaharam Nabur satu ialah Raja nabur bua ialah Abu nabur tiga ialah ramu dan nabur 4 ialah Poul mebawak laju moto tiba-tiba diya melaga kereta telitong Ambulan.*

Daripada contoh karangan di atas didapati responden tidak dapat mengemukakan karangannya berdasarkan perenggan, sepatutnya sesebuah karangan haruslah mengandungi pendahuluan, isi dan penutup. Hal ini bukan sahaja berlaku pada responden R5 semua responden melakukan kesalahan ini (Lampiran 3)

### **c) Penggunaan Bahasa**

Di dalam penelitian dan pemeriksaan ke atas ujian karangan pelajar penyelidik sebagai pemeriksa pertama dan guru sebagai pemeriksa kedua untuk membantu pengkaji bagi mendapat kebolehpercayaan dalam kajian. Jumlah patah perkataan untuk karangan bahan rangsangan ini ialah 120 patah perkataan tetapi terdapat responden yang menjawab lebih daripada 120 patah perkataan iaitu R6 yang menjawab 150 patah perkataan. Walau bagaimanapun pengkaji tetap mengambil kira walaupun jumlah patah perkataan melebihi had yang

ditetapkan kerana masih untuk melihat penggunaan bahasa. Manakala dari segi aspek pemaparan idea pengkaji telah memasukkan keseluruhan perkataan tersebut. Jumlah patah perkataan yang paling sedikit ialah 41 patah perkataan iaitu R9.

Daripada 60 buah karangan responden telah didapati terlalu banyak kesalahan dari segi ejaan dan pemilihan perkataan. Kesalahan ini disebabkan dua faktor iaitu responden sememangnya tidak mengetahui untuk mengeja dan faktor yang kedua ialah responden keliru dengan ejaan sesuatu perkataan, mereka mengeja berdasarkan bunyi sebutan yang dikeluarkan oleh mereka ketika bercakap.

Menulis dengan tatabahasa yang betul adalah satu cabaran yang agak besar bagi responden kerana mereka melakukan kesilapan dalam ejaan dan mencampur aduk susunan perkataan. Contohnya:

1. R2- Kesalahan Ejaan
  - **membuang** dieja “mebuang” dan “mebuwan”
  - **membeli** dieja “mebeli”
2. R1- Kesalahan Ejaan
  - **perempuan** dieja “pompuan”
3. R5- Kesalahan Ejaan
  - **kawan** dieja “kawang”
  - **keluar** dieja “keluwar”
  - membawa dieja “membawak”
4. R2- Kesalahan Ejaan

- **simpan** dieja “sepan”
- **beriman** dieja “bergiman”.

Namun kesilapan ejaan yang dilakukan ini bukanlah dilakukan oleh responden yang sama tetapi semua responden. Kesalahan ejaan dan pemilihan kata yang salah maksud menyukarkan kefahaman pengkaji untuk mentafsir idea yang hendak disampaikan oleh responden. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan keseluruhan kekerapan penggunaan pembentukkan kata dan Jadual 4.2 kekerapan penggunaan penggolongan kata setiap responden dari bulan Mei hingga bulan Oktober. Pengkaji telah menjumlahkan enam buah karangan setiap responden untuk memudahkan penganalisisan data.

**Jadual 4.1: Kekerapan Pembentukan Kata**

	Ke	ker	apa	n P	emb	ent	uka	n K	ata	l
2										
<b>4• R5• R6• R</b>	<b>R8• R</b>	<b>R10l</b>	<b>l</b>	<b>• %l</b>	<b>Kata</b>	<b>Dasar</b>	<b>79.27</b>	<b>80.78</b>	<b>76.06</b>	<b>73.17</b>
3• 82.73• 87.5	2• 80.	79	• 83.6	0• 84.	94l	l Kat	a Maj	muk5	.26• 5	• 2.13
7• 0.64• 3.64• 2.	16• 3.9	3• 2.57	• 2.23	l l	K ta Ter	bitan	13.14	• 11.88	• 21.28	• 21.81
06• 12.55• 8.	63• 14	.46• 1	3.50	11.90	l l	Kata	Ganda	2.34	• 2.34	• 0.53
5• 1.06	1.09	• 1.6	9• 0.	83• 0	.32	0.93	l l	<b>Jum</b>	<b>lah</b>	100

0• 100• 100• 100• 100• 100• 100• 100• 100l Berdasarkan peratus kekerapan di dalam jadual di atas jelas menunjukkan kekerapan yang paling tinggi pembentukkan kata yang digunakan ialah penggunaan kata dasar atau kata tunggal. Peratus paling tinggi ialah R7 iaitu 87.52% dan paling rendah ialah 73.17% iaitu R4. Penggunaan kata dasar secara maksimum oleh semua responden men-

maksud yang tersurat sahaja. Dalam proses pemerolehan bahasa menurut Bloom & Margaret, (1978) yang mengatakan kata dasar merupakan pemerolehan kata yang pertama seorang kanak-kanak berbanding kata majmuk, kata terbitan dan kata ganda yang diperoleh kemudian. Pelajar lembam telah melalui proses pemerolehan yang agak lambat berbanding dengan pelajar normal walaupun umur mereka 14 tahun sepatutnya pemerolehan bahasa semakin berkembang dengan baik namun sebaliknya yang berlaku. Menurut Abdullah Yusoff (1997) perkataan terbitan, penggandaan dan pemajmukan merupakan jenis kata yang sukar difahami kerana adanya unsur ketaksaan dalam struktur dalaman kata tersebut jika dibandingkan dengan kata dasar.

Penggunaan kata dasar yang menunjukkan peratus tertinggi memperlihatkan karangan responden dipengaruhi oleh bahasa lisan. Memindahkan bahasa lisan dalam penulisan merupakan satu kesilapan yang telah dikesani oleh Teori pit Corder (1981) dan Taksanomi Dulay, Burth dan Krashen (1982) dalam teori ini menegaskan sebagai kesilapan penambahan (addition) iaitu berpunca daripada penggunaan peraturan tertentu secara berleluasa dengan menambahkan elemen-elemen yang tidak diperlukan atau tidak betul. Walaupun responden berumur 14 tahun dan telah menerima pendidikan dari sekolah rendah lagi tetapi penulisan mereka masih dipengaruhi oleh bahasa lisan. Antara contohnya seperti di bawah:

1. R1- “Diorang ini membuat cikgu menyusah saja, dan kelas-kelas lain semua susah nak belajar, sebab diorang ini suka

membuat bising dalam kelas”

2. **R2-** “Budak pompuan itu beli ikan sungguh banyak”
3. **R6-** “Saya tegok ramai orang melayu derma darah orang cina pun”

Daripada contoh ayat di atas juga didapati responden tidak dapat menyusun perkataan dengan baik dan kesilapan ini dikenali oleh Teori Pit Corder (1981) dan Dulay, Burth dan Krashen (1982) kesilapan penyusunan iaitu suatu kesilapan yang juga disebabkan oleh ketidakpekaan kepada peraturan struktur sesuatu bahasa.

Kekekapan penggunaan kata terbitan peratus paling tinggi ialah 21.28% iaitu R3 dan peratus kekerapan rendah ialah R7 iaitu 8.63%. Kekerapan penggunaan kata terbitan dalam karangan responden menunjukkan kelemahan responden untuk memahami dan menguasai penggunaan kata terbitan. Walaupun responden banyak menggunakan kata dasar tetapi jelas menunjukkan responden tidak merangkaikan imbuhan dengan kata dasar yang mengikuti atau mendahuluinya. Menurut Zaaba, (1965 Nik Safiah Karim, 1978:Abdullah Hassan, 1987) keadaan ini berlaku akibat daripada pengaruh bahasa harian pelajar yang struktur ayatnya diringkaskan dan dipermudahkan tanpa menggunakan imbuhan dalam percakapan harian mereka. Hal ini jelas menunjukkan penulisan pelajar lebam adalah berkait rapat dengan pengaruh bahasa lisan pelajar. Kesilapan jenis ini juga dikenali sebagai kesilapan pengguguran (omission) oleh Taksanomi Dulay, Burth dan Krashen (1982) iaitu

kesilapan yang merujuk kepada pelajar melakukan kesilapan di mana elemen-elemen yang penting untuk menghasilkan struktur yang sempurna telah diabaikan dalam penulisan. Daripada hasil temu bual yang diadakan secara tidak formal dengan responden percakapan responden dipengaruhi oleh lohgat daerah. Jika dilihat dalam karangan mereka jelas menunjukkan responden kurang menggunakan imbuhan dan kesilapan ini dikenali kesilapan pengguguran. Antara contohnya ialah:

1. **R1** - “Orang yang guna jalan raya yang kurang berhati-hati kena tukar sikap”
2. **R2** - “Ada kedai itu jual air”
3. **R4** - “Kita hendaklah behemat guna air jangan mebazir rugi,”
4. **R6** – “Tabung saya banyak ibu saya suruh masuk bank CIMB dekat giant”

Semua responden banyak menggunakan kata terbitan dalam karangan mereka (Lampiran 3). Perkataan-perkataan itu digunakan secara berulang-kali dalam karangan mereka. Ini menunjukkan pengaruh bahasa lisan responden mempengaruhi penulisan mereka. Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa penggunaan imbuhan merupakan satu aspek tatabahasa yang amat sukar dikuasai oleh responden dalam kajian ini.

Menurut guru pemulihan semua responden ini tidak dapat memahami dan menguasai kata majmuk. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui peratus

penggunaan kata majmuk rendah. Kekerapan peratus penggunaan paling tinggi ialah 5.26% iaitu R1 dan R2 sebanyak 5% kekerapan penggunaan kata majmuk dalam karangan. Hasil dapatan kajian ini pengkaji dapat bahawa semua responden menggunakan kata majmuk dalam karangan mereka yang diambil daripada soalan iaitu perkataan “jalan raya”, soalan karangan bulan Jun dan “Pasar Tani” soalan karangan bulan Julai. Dua kata majmuk ini digunakan oleh semua responden dalam penulisan mereka. Manakala kata majmuk “lampu isyarat” dan “undang-undang” pula telah diberikan oleh pengkaji sebagai isi sokongan kepada responden dengan menulis di papan hitam. Antara kata majmuk yang lain selalu digunakan oleh responden ialah:

- 1) **R1**- “pelajar-pelajar ini sungguh nakal, sebab membuang sampah, bergaduh, beborak, dan macam-macam lagi
- 2) **R2**- “Tidak mematuhi undang-undang di jalan raya melanggar had kelajuan, tidak mematuhi lampu isyarat”
- 3) **R3**- “pelajar yang suka menconteng papan hitam melawan cakap pelajar dan guru”
- 4) **R5**- “Dan duit telah member kepada ibu bapa saya hari ini”
- 5) **R7**- “Air terbentu daripada hydrogen dan oksigen”
- 6) **R8**- “Kita menabung ada faedahnya dan Apabila kita tak menabung kita dalam kesuhan”

Penggunaan kata majmuk “pelajar-pelajar”, “kepada”, “daripada” dan “apabila” merupakan kata majmuk yang biasa digunakan. Ini bermakna responden-

responden sama sekali tidak memiliki kemampuan dan kecekapan yang diharapkan dalam menguasai penggunaan bahasa dalam etika tatabahasa yang ditetapkan. Mereka masih belum berupaya menggunakan bentuk-bentuk perkataan yang mempunyai makna-makna yang tertentu.

Dalam kajian ini pengkaji juga mendapati pelajar-pelajar tidak dapat menguasai penggunaan kata ganda. Penggunaan kata ganda ini menunjukkan peratus paling rendah iaitu 0.32% R9 dan 2.34% paling tinggi bagi R1 dan R2. Dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan kata ganda merupakan satu aspek tatabahasa yang amat sukar dikuasai dan difahami oleh semua responden dalam kajian ini. Mereka masih lagi tidak memahami dalam menguasai peraturan-peraturan tentang penggunaan bahasa. Hampir keseluruhan responden tidak dapat menggunakan kata ganda dengan betul dan langsung tidak mengetahui kata ganda (lampiran). Kesilapan penggunaan jenis kata ganda ini dikenali oleh Pit Corder (1981) dan Taksanomi Dulay, Burth dan Krashen (1982) sebagai kesilapan pemilihan (selection) iaitu penggunaan morfem yang salah. Antara contoh penggunaan kata ganda yang salah ialah:

1. **R5-** “yang sakit-sakit orang yang tak ada darah seperti yang darah kerana orang yang sakit-sakitnya kemper darah itu seperti untuk”
2. **R2-** “Kita tak dapat apa-apapun”
3. **R3-** “kita perlu menyimpan 50 sen satu hari lama-lama Jadi bukit hari-hari saya telah menyimpan duit”
4. **R4-** “saya pergi ke basar tani untuk membeli sayur-sayuran

dan pelbagai jenis-jenisan"

5. **R1-** "Ada orang beli buah-buahan mangga, durian dan macam-Macam

Manakala penggunaan kata ganda yang betul digunakan seperti:

1. **R2-** "jangan mebuang sapah merata-rata tempat"
2. **R1-** "Ada orang bersiar-siar di pasar tani"
3. **R8-** "murid-murid suka Buat masoloh dan suka Buat Bising"
4. **R5-** "Darah itu dan ceria pelajar-pelajar telah mimita darah untuk miskin telah jumpa doktor itu"
5. **R6-** "Saya seronok duit tabung saya banyak kawan-kawan pelik"

Kesimpulannya, penggunaan kata dasar dalam penulisan menyebabkan sesebuah karangan tidak dapat dipersembahkan dengan baik malah idea yang disampaikan juga tidak dapat dinyatakan dengan jelas dan pemilihan kata tidak dapat dipersembahkan dalam ayat gramatis. Masalah ini timbul adalah disebabkan kurangnya perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam fikiran mereka yang berpunca daripada masalah pembelajaran yang mereka alami.

**Jadual 4.2: Kekerapan Penggolongan Kata**

	rap	an	Pen	ggo	Ion	gan	Ka	ta	I	
<b>K</b> <b>e</b> <b>ke</b>									<b>2</b>	
<b>4• R5• R6• R</b> 2.98• 4 5.82• 5	• R8• R10	• I	• %	I I K	ata Na	ma• 47.	01• 37.	34• 42.	91• 39.	
3.62• 15.09• 12.	0.23• 3	9.05• 3	8.59• 4	0.33• I	I Kat a Ker	ja• 16.	64• 14.	22• 18.	97• 20.	.77• 4 .53• 4

Kata Tugas	33.58	43.91	33.33	36.68	31.28	36.36	34.36	38.64	41.80	41.26
<b>Jumlah</b>	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

Manakala Jadual 4.2 di atas pula menunjukkan peratus kekerapan penggunaan penggolongan kata bagi setiap responden. Apabila diperhatikan jadual di atas didapati bahawa peratus kekerapan yang paling tinggi penggunaan penggolongan kata iaitu kata nama sebanyak 52.98% R5 dan paling sedikit sebanyak 37.34% iaitu R2. Peratus ini menunjukkan responden hanya mengetahui apa yang mereka lihat dan dengar dipersekutaran mereka. Responden banyak menggunakan kata ganti nama tunjuk seperti “itu” dan “ini” dan kata ganti nama diri orang seperti “saya” dan “dia”. (Lampiran 4). Selebihnya responden menggunakan kata nama khas dan kata nama am.

Kekerapan responden menggunakan kata nama secara berulang-kali dalam karangan yang sama kerana kata nama adalah terbentuk berdasarkan sesuatu yang konkrit dan berbentuk visual. Hal ini memudahkan kefahaman mereka namun begitu kata nama mestilah kata dasar, ini diakui oleh Abdullah Yussof (1996). Persekutaran memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi penguasaan bahasa pelajar lembam ini terbukti kerana responden-responden banyak menggunakan kata nama dalam penulisan mereka berbanding kata-kata lain. Hal ini terjadi kerana kata nama banyak berkaitan dengan nama-nama benda, barang-barang permainan, tempat dan sebagainya yang ada di sekeliling mereka. Antara contoh kata nama yang digunakan ialah:

1. **R6-** “saya tegok ramai orang melayu menderma darah orang cina

pun”

2. **R7-** “Dan duit itu telah memberi kepada ibu bapa saya hari ini  
pun

saya dan adik saya menanbung duit setiap hari saya dan  
adik

saya menabung duit”

3. **R1-** “Selepas itu budak-budak melanggar lampu isyarat dan  
kemudian budak-budak itu melanggar seseorang”

4. **R10-** “Kempen menderma darah bagus untuk kita semua kalau  
kita

sakit kita perlukan darah sebat tu lah darah penting untuk  
kita

Dermalah untuk orang sakit”

Jumlah kekerapan penggunaan kata tugas dengan kata nama peratusnya hampir sama banyak. Peratus paling tinggi penggunaan kata tugas ialah 43.91% iaitu R2 manakala peratus paling sedikit menggunakan kata tugas ialah R5 31.28%. Kata tugas terbahagi kepada dua jenis iaitu kata sendi nama dan juga kata hubung. Penggunaan kata tugas merupakan penggolongan kata yang kedua yang paling banyak digunakan oleh responden dalam karangan. Responden dalam kajian ini lebih cenderung menggunakan kata tugas dan kata nama berbanding kata kerja. Hal ini terjadi kerana responden lebih mudah mengabungkan sesuatu ayat dengan kata tugas. Jika kita lihat dalam karangan responden kata nama dan kata tugas paling banyak digunakan kerana

responden mengulangi ayat yang sama dengan hanya memasukkan kata tugas sebagai penghubung (lampiran). Dalam satu ayat responden menggunakan lebih kurang lima hingga enam kata hubung. Lebih ketara dapat dilihat dalam karangan respondan banyak menggunakan kata tugas “di dalam”, “dan”, “ke”, dan “di” berulang kali dalam satu ayat. Antara contoh ayat yang dapat dilihat ialah:

1. **R4-** “Pelajar bermain di dalam kelas menggotorkan bilik darjah dan  
mecoting papan itan dan bermain di dalam kelas baling rokit,  
bermain kad dan lain-lain atau pun bercakap bermain,  
berconting di dalam bilik darjah dan buang-buang sampah  
pelajar ini bersuka main-mainnya dan lain-lainnya”
2. **R8-** “tidak disiplin Guru dan jangan conteng dan Jangan conteng  
jadual bertugas dan Jangan rosakan kerusi dan meja dan  
Jangan bergaduh dalam kelas”
3. **R5-** “yang sakit-sakit orang yang tak ada darah seperti kita Yang  
darah kerana orang yang sakit-sakitnya kemper darah itu  
seperti untuk”

Hasil daripada pemerhatian pengkaji terhadap karangan responden di dapati semua responden kurang menggunakan kata kerja. Peratus paling tinggi menggunakan kata kerja hanyalah 20.46% iaitu R4 dan peratus paling rendah ialah 12.33% iaitu R7. Jumlah ini jauh berbeza dengan penggunaan kata nama

dan kata tugas. Hal ini menunjukkan perbendaharaan kata responden sangat terhad dan kebanyakkan konstruksi ayat yang tidak lengkap. Mereka lebih menggunakan kata nama dan kata tugas sehingga kata kerja diabaikan dalam karangan mereka (Lampiran 4). Penggunaan kata kerja yang terhad dalam penulisan mereka jelas menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai tahap penguasaan penbendaharaan kata yang belum sempurna sepenuhnya walaupun semua responden berusia 14 tahun. Malahan mereka juga mengalami masalah penguasaan 3M lantaran itu mereka kurang membaca dan menyebabkan bilangan perbendeharaan kata yang dapat dikuasainya adalah terhad. Ini bermakna responden-responden sama sekali tidak memiliki kemampuan dan kecekapan yang diharapkan dalam menguasai bahasa kerana mereka lemah dalam mengusai 3M. Mereka hanya tahu menggunakan kata kerja yang menjadi kebiasaan dalam perbualan dan perbuatan sehari-hari mereka seperti perkataan minum, makan, bermain, berjalan dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat seperti contoh beberapa ayat di bawah:

1. **R2-** “orang yang menjual buah-buahan, sayoran, orang yang menjual menuan dan makanan dan orang menjual ikan, daging, Ayam dan udang”
2. **R8-** “Pak cik menderma darah dari azmira pak cik bercakap dengan Amir hendaklah menjaga kesihatan dan jangan banyak bermain-main di Taman”
3. **R10-** “Ayah saya selalu pesan jangan bebazi kerana menabung penting untuk kita duit yang kita sipan boleh beli barang kita

nak tapi kita tak boleh menbazir kerana kalau kita membazir  
nati duit yang kita menabung akin lama duit menabung  
sudah habis”

Manakala penggunaan kata adjektif merupakan kata yang paling sedikit digunakan oleh responden dalam karangan. Peratus paling tinggi hanya 4.79% iaitu R3 manakala 2.13% digunakan oleh R5. Kelemahan responden dalam penguasaan kata adjektif ini menunjukkan responden tidak dapat menerangkan sifat atau keadaan bagi sesuatu mungkin ini disebabkan kekurangan perbendaharaan kata yang mereka kuasai. Kata adjektif merupakan kata yang agak sukar untuk dikuasai oleh responden ini kerana kata adjektif tergolong dalam golongan perkataan yang mempunyai makna yang abstrak, atau tidak nyata (Noor Azmira bt Mohamed, 2001) lantaran itu responden-responden mengalami kesukaran untuk menguasai makna perkataan tersebut. Contoh beberapa ayat yang mengandungi kata adjektif ialah:

1. **R10-** “Tolong lah orang yang yang sakit yang perlukan darah”
2. **R7-** “Darah itu mesra dan ceria pelajar-pelajar menderma darah.”
3. **R2-** “Kita mesti rasa berani untuk menderma darah kita jangan takut”
4. **R7-** “Pada hari sabtu ibu bapa kami telah membali duit tabung Saya dan adik saya telah gembira kerana ibu bapa kami membeli duit tabung”

Hasil daripada dapatan kajian dari aspek penggunaan bahasa, didapati

responden banyak menggunakan kata dasar dan kata nama dalam penulisan mereka, ini kerana kata dasar atau kata tunggal merupakan kata nama yang mereka perolehi dan kata nama terbentuk berdasarkan sesuatu yang konkret dan mereka selalu menggunakan kata-kata ini dalam perbualan sehari-hari mereka.

#### **4.1.2 Tahap Penguasaan Bahasa Responden**

Pengkaji akan melihat dari empat aspek iaitu latar belakang pendidikan UPSR responden, latar belakang bahasa pengantar responden, minat terhadap pelajaran bahasa Melayu dan penguasaan 2M.

Keempat-empat aspek ini penting untuk melihat sejaухmanakah tahap penguasaan bahasa responden kerana pengetahuan bahasa yang responden perolehi akan mempengaruhi idea yang disampaikan dalam karangan.

#### **4.1.2.1 Keputusan Bahasa Melayu UPSR**

Selain itu, pengkaji juga turut mengemukakan keputusan bahasa Melayu UPSR responden. Keputusan ini penting untuk mengetahui sejauhmanakah tahap penguasaan bahasa Melayu mereka di peringkat UPSR. Dengan mengetahui keputusan UPSR responden dapat membantu pengkaji menilai tahap penguasaan bahasa Melayu mereka di peringkat sekolah rendah.

Berdasarkan latar belakang pendidikan responden di peringkat UPSR keputusan yang diperolehi responden enam responden gagal dengan mendapat gred E dan empat responden mendapat gred D seperti di dalam jadual 4.3 di bawah.

**Jadual 4.3: Keputusan Bahasa Melayu UPSR Responden**

	PSR Res		ponden I	
	ki• P	erempuan	I I	
Pe	re	mp	ua	n
		PS	R	Re
de	n	I		PS
sp	on	den	I	
sp	on	den	I	

Jumlah	9	80%	2	20%
--------	---	-----	---	-----

#### **4.1.2.2 Latar Belakang Bahasa Pengantar Responden**

Pada keseluruhannya didapati semua responden menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu kira-kira 70% dan hanya 30% menggunakan bahasa Tamil kerana responden merupakan pelajar India. Seorang responden menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di rumah iaitu responden lelaki India. Oleh yang demikian, 70% menunjukkan bahasa pengantar responden di rumah ialah bahasa Melayu hal ini jelas menunjukkan bahawa responden sudah menguasai dan dapat bertutur dalam bahasa Melayu dari awal lagi. Begitu juga dengan tiga orang responden berbangsa Tamil yang sudah dapat menguasai dan bertutur dalam bahasa Melayu sejak kecil lagi kerana pengaruh persekitaran mereka dan mereka juga mendapat pendidikan di sekolah harian biasa sejak sekolah rendah.

#### **4.1.2.3 Minat Responden Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu**

Minat merupakan faktor yang paling penting dalam mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu seseorang pelajar kerana tanpa minat yang mendalam dalam sesuatu mata pelajaran maka tahap penguasaan bahasa seseorang pelajar akan menjadi sukar. Menurut pandangan Kamarudin Haji Husin (1988) motivasi berasaskan minat mempunyai hubungan dengan kebolehan membaca.

**Jadual 4.4 : Minat Responden Terhadap Pelajaran bahasa Melayu.**

Reaksi Pelajar	Bilangan	Peratus
Minat	3	30%
Tidak minat	5	50%
Tiada jawapan	2	20%
Jumlah	10	100

Berdasarkan jadual di atas didapati hanya tiga daripada sepuluh responden yang berminat untuk belajar bahasa Melayu, lima orang responden tidak berminat dan dua orang responden tidak menjawab. Ini bermakna secara keseluruhannya hanya 30% responden yang berminat untuk belajar bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian ini dilakukan melalui temu bual dengan responden secara tidak formal.

#### **4.1.2.4 Penguasaan 2M Responden**

Menurut Zulkifley Hamid (2006) Pengetahuan atau kemahiran bahasa ialah asas kepada semua proses pembelajaran mata pelajaran yang lain. Tanpa kemahiran bahasa yang baik, proses pendidikan sukar untuk dilaksanakan. Kemahiran bahasa melibatkan keempat-empat aspek tingkah laku bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, memahami dan menulis. Untuk berjaya dalam bidang pendidikan atau dalam sesuatu proses pembelajaran, seseorang pelajar wajib menguasai keempat-empat kemahiran bahasa ini dengan baik. Kegagalan menguasai mana-mana daripada empat kemahiran bahasa asas bahasa ini menyebabkan seseorang pelajar menghadapi masalah yang tertentu dalam program umum.

Untuk mendapatkan keputusan tahap penguasaan 2M responden, pengkaji telah mengadakan ujian diagnostik bersama guru pemulihan. Langkah perlaksaan ujian diagnostik telah di jelaskan dengan terperinci dalam bab 3. Tahap penguasaan 2M ini boleh dilihat dari aspek membaca dan menulis. Ini dapat dilihat seperti Jadual 4.5 di bawah:

**Jadual 4.5: Keputusan Keseluruhan Ujian Diagnostik Membaca dan Menulis**

<b>Skor Responden</b>	<b>31 – 40 ( Baik )</b>	<b>21 – 30 ( Sederhana )</b>	<b>0 – 20 ( Lemah )</b>
R1		23	
R2			16
R3			18
R4			11
R5			10
R6		24	
R7			12
R8			13
R9			8
R10			11
<b>Jumlah Responden</b>	<b>2</b>		<b>8</b>

Daripada jadual di atas didapati lapan responden lemah dalam penguasaan 2M manakala dua responden iaitu R6 dan R1 dalam kategori sederhana. Lapan responden yang mendapat skor bawah 20 menunjukkan tahap penguasaan mereka yang sangat lemah dalam kemahiran menulis dan membaca.

Keseluruhan daripada ujian diagnostik menunjukkan responden tidak dapat menguasai bahasa dengan begitu mudah melainkan mereka sudah biasa menggunakan contohnya perkataan-perkataan sehari-hari yang biasa digunakan kerana mereka tidak mengalami masalah dalam pertuturan dan pendengaran. Seperti yang dinyatakan oleh Zulkifley Hamid (2006) iaitu secara umum, para pelajar bahasa pertama tidak menghadapi masalah dalam pertuturan atau pendengaran. Mereka mungkin menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran berbahasa secara bertulis sama ada menyampaikan maklumat secara bertulis atau memahami teks bertulis (Zulkifley Hamid, 2006).

Kesimpulannya, tahap penguasaan bahasa responden yang didapati daripada keputusan bahasa Melayu UPSR, latar belakang bahasa pengantar responden, minat responden terhadap bahasa Melayu dan penguasaan 2M sangat kritikal kerana keputusan bahasa Melayu yang menunjukkan enam responden gagal dan empat mendapat D. Malah lima orang responden juga tidak berminat untuk belajar bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar mereka hanya tiga orang sahaja yang berminat untuk belajar bahasa Melayu. Tanpa minat sesuatu yang dipelajari akan menjadi lebih sukar. Oleh itu, penguasaan bahasa dalam kalangan responden iaitu pelajar lembam masih lagi dalam satu proses pemerolehan bahasa walaupun mereka sudah berumur 14 tahun.

#### **4.1.3 Ciri-Ciri Umum Yang Terdapat Dalam Kemahiran Menulis**

##### **Pelajar**

##### **Lembam**

Kajian yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa terdapat persamaan ciri-ciri umum kelemahan pelajar lembam dalam penulisan. Pengkaji telah membincangkan ciri-ciri kelemahan pelajar lembam secara keseluruhan dalam Bab 2.

Hasil penelitian pengkaji, murid-murid ini menghadapi masalah untuk menulis perkataan-perkataan dan mengambil masa yang agak lama untuk menulis malah tulisan mereka amat buruk jika dibandingkan dengan usia mereka. Malah hasil

tulisan murid-murid ini sukar untuk difahami. Semua responden mengambil masa yang agak lama untuk menulis karangan. Ini dibuktikan ketika ujian karangan dilakukan semua responden menjawab soalan melebihi masa yang ditetapkan iaitu 25 minit. Hari pertama ujian dilakukan semua responden menjawab dalam masa 1 jam dan pengkaji terpaksa menyuruh responden membuat kesimpulan terakhir dan berhenti menulis. Pengkaji terpaksa membiarkan responden melebihi masa yang ditetapkan kerana dalam masa 25 minit awal responden belum menulis mereka hanya termenung dan berfikir untuk mencari idea. Ketika ujian kedua dijalankan pengkaji telah mengingatkan semua responden agar menjawab dalam masa yang ditetapkan 25 minit tetapi masih gagal. Mereka menjawab dalam masa 35 minit namun begitu ada dua orang responden hantar pada masa 25 minit. Begitu juga dengan ujian seterusnya responden tidak dapat menyiapkan karangan mereka dalam masa yang ditetapkan dan setelah berbincang dengan guru pemulihan kata sepakat tekah dicapai iaitu membiarkan responden menulis sehingga siap kerana kajian ini untuk mengkaji pemaparan idea dalam karangan. Walau bagaimanapun pengkaji tidak membiarkan responden menjawab sehingga 1 jam hanya dalam masa 35 minit namun begitu ada juga responden yang dapat menyiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Melalui pembacaan dan penelitian karangan responden didapati empat orang responden mengalami masalah untuk mengenali dan responden sering kali terkeliru untuk membezakan huruf b, d, dan p. Ini dapat dilihat seperti di bawah:

1. R7 keliru untuk membezakan huruf **b** dan **p** contohnya:

- **mencakar** ialah bercakap
  - **memain-main** ialah bermain
  - **menjalan** ialah berjalan
  - **menlari** ialah berlari
2. R9 pula tidak dapat membezakan huruf **b**, contohnya:
- **seperti** dieja sebeti
3. R5 tidak dapat membezakan huruf **b**, contohnya:
- **berdiri** dieja mendiri
  - **berlumba** dieja melumba
4. R4 tidak dapat membezakan huruf **b** contohnya:
- 21 **berbincang** dieja perbincang
  - 22 **perkataan** pasar dieja basar
  - 23 **pelbagai** dieja belbagai
5. R6 tidak dapat membezakan huruf b contohnya:
- **Membuang** dieja Menduang

Namun begitu empat orang responden ini bukan mengulangi kesilapan dalam karangan lain ini menunjukkan mereka keliru untuk mengenali huruf-huruf ini manakala enam responden lain yang tidak mengamali masalah mengenali huruf-huruf ini tetapi mereka tetap salah dari aspek ejaan. Enam responden ini mengalami ciri-ciri yang sama dalam penulisan dari aspek mengeja. Adakalanya mereka tidak tahu mengeja sesuatu perkataan. Kesalahan-kesalahan ejaan yang lain dilakukan oleh responden dapat dilihat dalam semua karangan responden

dari bulan Mei sehingga bulan Oktober antara contohnya ialah:

1. R7 perkataan **sembuh** dieja kembuh
2. R5 perkataan **kempen** dieja kemper
3. R2 perkataan **berbazir** dieja berbazar
4. R10 perkataan **membazir** dieja membasirkan
5. R6 perkataan **tengok** dieja regok

Apabila diperhatikan semua responden tidak dapat memahami kehendak soalan.

Sukar memahami merupakan ciri-ciri umum pelajar lembam. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden lemah dalam aspek memahami dan menyebabkan mereka sukar memahami kehendak soalan. Tetapi responden dapat menjawab kerana dalam soalan karangan bahan rangsangan ini terdapat gambar, daripada gambar yang dilihat ini responden dapat idea untuk dikarang. Hasil penulisan semua responden dari bulan Mei hingga bulan Oktober didapati kesemua responden tidak memahami kehendak soalan. Contohnya soalan karangan bulan ogos mengenai kepentingan mengadakan pasar tani tetapi responden menceritakan keadaan atau suasana yang berlaku di pasar tani dan juga menceritakan pengalaman mereka pergi pasar tani. Contoh salah satu karangan daripada responden:

### Karangan R8

*“Pada sautu hari saya dan mak saya pergi ke pasar tani.  
Kepentingan mengadakan pasar tani sangat. Jika tak ada  
pasar tani tak boleh beli barang ikan, sayur nak masak. Saya*

*suka pergi pasar tani dapat beli burger yang sedap memakan  
Mak saya kata nak beli ikan saya ikut. Pejual ikan senyum  
mak beli ikan banyak. Ada macam-macam barang di pasar  
tani. Saya beli barang yang faedahnya.  
Penting pasar tani untuk orang ramai.”*

Ciri-ciri umum seterusnya dalam kemahiran menulis pelajar lembam iaitu kurang menggunakan imbuhan. Melalui penelitian hasil penulisan semua responden didapati mereka mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu kurang menggunakan imbuhan. Walaupun responden-responden menggunakan kata dasar tetapi kebanyakannya kata dasar tidak dimasukkan dengan sebarang imbuhan. Ini adalah disebabkan oleh faktor pengaruh bahasa lisan seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 4 dan faktor yang kedua disebabkan responden-responden tidak dapat memahami dan menguasai peraturan-peraturan tatabahasa.

Daripada pemerhatian yang dibuat didapati konstruksi ayat yang tidak lengkap dilakukan oleh semua responden dalam penulisan. Berikut beberapa contoh pembinaan ayat yang tidak lengkap dilakukan responden:

- i. Kedai air itu, orangnya buat untuk orang yang membeli air. (R1)  
Sepatutnya:  
Kedai itu menjual air kepada pembeli.
- ii. Budak yang tidak mematuhi undang-undang di raya apabila dia jatuh kaki kanannya patah apabila belumba di raya yang sesak apabila pengguna tidak berhati-hati di jalan raya akibat eksiden. (R2)  
Sepatutnya:  
Budak itu mengalami kemalangan di jalan raya sehingga menyebabkan

kakinya patah akibat daripada sikapnya yang tidak berhati-hati dan tidak mematuhi undang-undang di jalan raya yang sibuk.

- iii. Saya dan kawan-kawan untuk menabung untuk amalan yang baik. (R3)  
Sepatutnya:  
Saya dan kawan-kawan telah mengamalkan sikap menabung kerana ia merupakan satu amalan yang baik.
- iv. Pelajar ini bercakap-cakapnya di dalam kelas tak geti diam di dalam kelas. (R4)  
Sepatutnya:  
Pelajar-pelajar tidak tahu senyap tetapi suka bercakap di dalam kelas.
- v. Air perlu menjimatkan kerana bil air sangat banyak sebab itu kita menjimatkan air menggunakan untuk manusia dan tumbu-tumbuhan. (R5)  
Sepatutnya:  
Kita perlu menjimatkan penggunaan air mengelakkan bil air yang tinggi dan air sangat penting kepada manusia dan tumbuh-tumbuhan.
- vi. Sikap penguna julan raya yang salah mematuhi undang-undang jalan raya contohye seperti matrempit.(R6)  
Sepatutnya:  
Sikap yang tidak mematuhi undang-undang di jalan raya seperti Mat Rempit merupakan satu kesalahan.
- vii. Darah itu mesra dan ceria pelajar-pelajar menderma darah.(R7)  
Sepatutnya:  
Pelajar-pelajar gembira hendak menderma darah.
- viii. Kempen menderma darah perlu menjaga kesihatan jika tak jaga kesihatan kita akan jatuh sakit kita perlu jaga.(R8)  
Sepatutnya:  
Kita mesti menjaga kesihatan dengan baik agar kita sentiasa sihat.
- ix. Amalkan menabung mengkumpan duit simpan masuk kedalam Bank simpanan.(R9)  
Sepatutnya:  
Apabila duit simpanan dalam tabung banyak bolehlah dimasukkan ke dalam bank.
- x. Pasar tani bagus untuk semua orang yang ada di Malaysia ada yang datang sini jalan utuk pegi pasar tani barang.(R10)  
Sepatutnya:  
Pasar tani sangat baik untuk masyarakat di Malaysia kerana kita dapat membeli barang-barang keperluan.

Konstruksi ayat tidak lengkap yang dilakukan oleh responden seperti contoh di atas menyebabkan ayat yang dibina menjadi janggal apabila dibaca.

Selain itu juga semua responden mempunyai ciri-ciri yang sama dalam penulisan dari segi pemilihan diksi yang kadangkala tidak tepat ini kerana perbendaharaan kata yang mereka kuasai sangat terhad. Pemilihan kata yang tidak tepat ini turut menyebabkan ayat menjadi janggal. Ini menunjukkan perbendaharaan kata yang ada dalam pemikiran semua responden amat terhad.

Contohnya:

“Air ini perlu miejimatkan kerana bil air sangat banyak sebab itu kita menjimatkan air megunakan untuk manusia dan tumbu-tumbuhan.”

(R5 karangan bulan

Ogos)

“Menabung adalah untuk kita gunakan semula kalau kita tak ada duit kita gunakan dan kalau bapa kita tak ada duit kita bagi kat ibu bapa kita.”

(R2 karangan bulan

September)

“Kalau kita sudah tahu kita tiada darah kita pergi ke klinik cepat-cepat supaya kita dapat darah banyak kalau kita tiada darah kita dapat penyakit.”

(R1 Karangan Bulan

Oktober)

Daripada huriaian dan contoh yang telah dibincang di atas dapat disimpulkan bahawa semua responden mempunyai ciri-ciri umum atau kelemahan yang sama dalam kemahiran menulis Cuma dari segi mengenali huruf b, d, p dan q didapati tidak semua responden mengalami masalah ini.

## **Rumusan**

Pelajar-pelajar lembam dalam kajian ini masih lagi mengalami proses pembelajaran dan penguasaan bahasa yang tidak sempurna seperti pelajar-pelajar normal yang lain. Secara keseluruhannya pemaparan idea dan penguasaan bahasa responden hampir sama dan mereka ini mempunyai ciri-ciri kelemahan yang sama antara satu sama lain. Responen tidak dapat menguasai bahasa dengan sempurna oleh sebab itu mereka gagal menyampaikan idea dalam karangan dengan baik.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan kesimpulan daripada hasil kajian seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab 4. Selain itu bab ini juga mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan keseluruhan kajian ini yang telah memberi implikasi terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia, Guru bahasa Melayu, penulis buku bahasa Melayu dan juga kepada keluarga dan masyarakat. Manakala pada akhir bab ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan.